

Kompetensi Peribadi dan Efikasi Kendiri dalam kalangan Guru Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC)

(Relationship between Personal Competence and Self Efficacy Among Teachers in Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC))

Lok Shin Yei^{1*}, Saemah Rahman², Shahlan Surat³

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: shinyei508@gmail.com

²Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: drsaemahrahman@yahoo.com.my

³Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: drshahlan@ukm.edu.my

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Lok Shin Yei

(shinyei508@gmail.com)

KATA KUNCI:

Efikasi kendiri

Kompetensi peribadi

Guru Sekolah Rendah Jenis

Kebangsaan Cina

KEYWORDS:

Self -efficacy

Personal competence

Sekolah Jenis Kebangsaan Cina

(SJKC) teachers

CITATION:

Lok, S. Y., Saemah Rahman, & Shahlan Surat. (2022). Kompetensi Peribadi dan Efikasi Kendiri dalam kalangan Guru Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(6), e001529.

<https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i6.1529>

ABSTRAK

Efikasi kendiri dan kompetensi peribadi berperanan penting kepada perkhidmatan guru. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap efikasi kendiri dan tahap kompetensi peribadi dalam kalangan guru Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC). Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif. Sejumlah 90 orang guru daripada SJKC daerah Petaling Utama menjawab borang soal selidik dengan menggunakan kaedah *google form*. Hasil kajian dianalisis secara deskriptif dan inferensi dengan menggunakan *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 26.0. Analisis deskriptif menunjukkan tahap efikasi kendiri guru berada pada tahap yang tinggi manakala tahap kompetensi peribadi berada pada tahap yang sederhana. Hasil dapatan menunjukkan korelasi positif ($r = 0.87$) antara kompetensi peribadi dan efikasi kendiri guru. Ini menunjukkan bahawa tahap efikasi kendiri yang tinggi juga dipengaruhi oleh kompetensi peribadi seseorang guru. Secara kesimpulannya, kajian ini jelas menunjukkan bahawa kompetensi peribadi seseorang guru dapat menjadi peramal efikasi kendiri dalam dirinya untuk membuat keputusan kerjaya. Implikasi dapatan kajian ini dapat menjadi rujukan kepada pihak yang berkenaan supaya mempunyai pengetahuan yang lebih meluas tentang cara-cara bagi meningkatkan tahap prestasi seorang guru dalam kerjayanya.

ABSTRACT

Self-efficacy often refers to an individual's belief in their ability to complete tasks while personal competency forecast certain behaviours. The association of self-efficacy and personal competencies play an important role in teachers' services. Thus, the purpose of the current study is to examine the relations between the level of self -efficacy

and the level of personal competence of teachers among Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC). This study uses quantitative methods. A total of 90 teachers from SJKC Petaling Utama district answered the questionnaire by using google form method. The questionnaire consisted of three sections, Section (A) 6 items, Section (B) 18 items and Section C 12 items. The results were analyzed descriptively and inferentially using the Statistical Package for Social Science (SPSS) version 26.0. Descriptive analysis shows that the level of personal competence and self-efficacy of teachers are at a high level. Pearson correlation analysis also showed that there was a positive correlation ($r = 0.87$) between personal competence and teachers' self-efficacy. This suggests that a high level of self-efficacy is also influenced by a teacher's personal competence. In conclusion, this study clearly shows that a teacher's personal competence can be a predictor of self-efficacy in himself or herself to make career decisions. The implications of the findings of this study can be a reference to the relevant parties to have a broader knowledge of ways to improve the level of performance of a teacher in his career in an effort to develop personal competencies and increase self-efficacy.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini dapat menyumbang kepada literatur sedia ada bagi efikasi sendiri guru sekolah rendah di Malaysia.

1. Pengenalan

Pendidikan yang berkompentensi akan menjamin peningkatan kualiti sumber manusia di sesebuah negara, justeru fakta ini telah mencerminkan bahawa guru ialah jentera utama dalam bidang pendidikan Malaysia. Penjanaan tenaga pendidik yang berkualiti bukan sahaja menekankan implikasi kompetensi guru malah turut menjadi kunci utama bagi prestasi dalam sebuah sekolah.

Kompetensi profesionalisme guru secara umumnya ditafsirkan sebagai satu kemahiran profesional guru berdasarkan amalan nilai profesionalisme, pengetahuan dan kefahaman dan kemahiran pengajaran dan pembelajaran. Walau bagaimanapun, keyakinan terhadap keupayaan dan kebolehan diri seseorang guru merupakan satu kewajiban bagi melaksanakan tugas dengan lebih cemerlang.

Menurut [Cocca et al. \(2018\)](#), guru yang mempunyai keyakinan akan dapat merangka dan mengatur strategi pengajaran kepada perubahan inovasi pembelajaran yang berupaya untuk meningkatkan pencapaian pelajar. Lantaran itu, ternyata bahawa aspek efikasi sendiri amatlah penting bagi meningkatkan kualiti dan keberkesanan sistem pendidikan negara. Efikasi sendiri merujuk secara saintifik kepada persepsi seseorang individu mempunyai keyakinan terhadap kemampuan dirinya dalam mencapai sesuatu matlamat.

Bertitik tolak dari itu, perubahan dalam sistem pendidikan negara, khususnya perubahan dalam kaedah pentaksiran murid telah mengundang banyak kluatir yang berkait rapat dengan profesionalisme guru dalam menjalankan pentaksiran atas setiap

murid di bawah pengajarannya. Hal ini amat memerlukan kecekapan sendiri yang tinggi daripada guru dan pemimpin sekolah agar dapat memenuhi matlamat pendidikan negara.

Pernyataan ini turut disokong oleh [Khairiah \(2013\)](#) bahawa tahap efikasi sendiri guru dapat ditingkatkan sekiranya mereka berasa sentiasa disokong oleh pihak pentadbir. Disebabkan kurangnya konteks kajian terhadap bidang kompetensi diri dan efikasi diri seseorang pendidik, maka kajian ini ingin meneroka hubungan antara tahap kompetensi peribadi dan efikasi diri dalam kalangan guru Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC).

Oleh itu, terdapat tiga objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini, antaranya,

- i. Mengetahui tahap kompetensi peribadi guru dalam kalangan guru Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina.
- ii. Mengetahui tahap efikasi sendiri guru dalam kalangan guru Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina.
- iii. Mengetahui hubungan antara kompetensi peribadi guru dengan efikasi sendiri guru dalam kalangan guru Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina.

2. Sorotan Literatur

Efikasi sendiri guru merupakan salah satu faktor penting dalam bidang pendidikan yang dapat menentukan kejayaan proses pengajaran dan pembelajaran. Namun begitu, kajian [M Nur dan Norasmah \(2009\)](#) mendapati bahawa fenomena tahap efikasi pengajaran yang semakin menurun turut menyumbang masalah keletihan emosi dan semangat untuk mengajar, hilang fokus dalam tugas, tidak berupaya dan semangat untuk menjalankan tugas apabila menghadapi masalah tertentu.

Di samping itu, hasil kajian yang dijalankan oleh [Chin et al. \(2013\)](#) mendapati bahawa sebilangan guru baharu di negeri Selangor menunjukkan tahap efikasi sendiri berada pada tahap sederhana. Tahap efikasi sendiri guru yang sederhana melambangkan bahawa guru berkenaan kurang bersedia untuk melaksanakan pengajaran dengan berkesan ([Rahimah et al., 2012](#)). Kajian oleh [Kokkinos \(2007\)](#) turut menunjukkan guru yang mempunyai efikasi pengajaran yang rendah juga kurang efektif dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya.

Dalam kajian [Ingersoll \(2012\)](#) dan [Hung et al. \(2010\)](#) mendapati satu pertiga daripada guru-guru baharu meninggalkan kerjaya perguruan dalam tempoh lima tahun pertama setelah mereka memulakan kerjaya sebagai pendidik disebabkan oleh faktor tahap efikasi sendiri guru yang rendah. Guru baharu mengalami konflik dalam kerjaya mereka apabila sesuatu yang mereka impikan menjadi sempurna dalam pengajaran berlaku sebaliknya dalam situasi pengajaran sebenar. Ini jelas menunjukkan bahawa faktor pengaruh tahap efikasi sendiri guru masih mempunyai ruang untuk dijalankan kajian.

Kajian oleh [Sa'adiah et al. \(2020\)](#) menunjukkan bahawa amalan pembangunan profesionalisme guru telah memberikan kesan terhadap efikasi sendiri guru sekolah menengah di lima kategori sekolah di negeri Selangor. Walaupun topik efikasi sendiri terus berkembang serta mencetuskan minat dalam kalangan para pengkaji, namun tumpuannya lebih terarah kepada penemuan untuk menjawab segala percanggahan yang berkaitan dengan kompetensi dan gaya kepimpinan pengetua. Justeru, kajian ini adalah untuk meninjau kepada aspek kompetensi pada diri seseorang guru, khususnya kompetensi peribadi serta hubungan dengan efikasi sendiri.

Sehubungan itu, efikasi sendiri atau kecekapan sendiri adalah salah satu dari pelbagai faktor yang penting bagi seseorang guru untuk bertindak dalam mencapai kejayaan dan matlamat diri. Menurut dapatan kajian [Mayan dan Mansor \(2020\)](#) pula, efikasi sendiri guru-guru menunjukkan peningkatan apabila mereka mendapat bimbingan yang berterusan dalam komuniti pembelajaran profesional. Ini menunjukkan bahawa perhubungan dan interaksi yang berkesan dalam kalangan warga sekolah dapat memberi keyakinan kepada pemimpin dan guru bagi merealisasikan matlamat sekolah. Namun, kajian yang melibat sifat keperibadian dan efikasi sendiri guru adalah kurang. [Harris, Ingle dan Rutledge \(2014\)](#) telah membuat kesimpulan bahawa peramal kualiti dan keberkesanan guru adalah kognitif kemampuan, sifat keperibadian dan latar belakang pendidikan.

3. Metod Kajian

Kajian ini adalah kajian deskriptif berbentuk kuantitatif dan pendekatan yang digunakan adalah berbentuk tinjauan. Ini adalah kerana terdapat sedikit maklumat yang menjelaskan fenomena kajian. Oleh itu, melalui kajian deskriptif ini dapat membantu pengkaji membentuk model kajian yang dapat menjelaskan fenomena atau isu kajian ([Cavana et al., 2001](#)). Pendekatan kajian ini juga adalah berbentuk korelasi (*correlational study*) kerana perhubungan secara korelasi dapat menjelaskan perhubungan antara pemboleh ubah secara serentak ([Cavana et al., 2001](#)).

Populasi kajian ini tertumpu kepada guru Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di daerah Petaling Jaya iaitu seramai 750 orang. Pendekatan kaedah persampelan rawak berlapis telah digunakan untuk menetapkan saiz sampel seramai 90 orang bagi kajian ini dengan merujuk kepada [Gay dan Diehl \(1992\)](#). Menurut [Gay dan Diehl \(1992\)](#) secara amnya bilangan responden yang boleh diterima untuk sesuatu kajian bergantung kepada jenis penyelidikan yang terlibat, sama ada secara deskriptif, korelasi atau eksperimen. Bagi kajian deskriptif, hanya 10% sampel daripada populasi dikehendaki. Oleh itu, sejumlah 90 borang soal selidik telah diedarkan dalam bentuk Google Form kepada guru-guru yang sedang mengajar di dua buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC). Menurut [Ishak \(1999\)](#) soal selidik biasanya digunakan untuk melihat hubungan antara item yang digunakan ke atas faktor yang hendak dinilai.

Borang soal selidik ini mengandungi tiga bahagian, iaitu,

- a) Bahagian A (Demografi)
- b) Bahagian B (Kompetensi Peribadi Diri)
- c) Bahagian C (Efikasi Kendiri)

Bahagian A adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat diri yang berkaitan dengan jantina, umur, tempoh perkhidmatan, kategori perkhidmatan, jawatan dan mata pelajaran yang diajar.

Bahagian B, sebaliknya, mengandungi 18 item yang diubahsuai dari Standard Guru Malaysia (SGM). Kesemua 18 item adalah untuk mengukur tahap kompetensi peribadi guru dari aspek Personal (sikap, motivasi, disiplin dan keyakinan) serta Sosial (perhubungan) Soal selidik di bahagian ini menggunakan skala likert lima mata iaitu bermula dengan 1= sangat tidak setuju (STS), hingga 5 = sangat setuju (SS). Bahagian C pula mengandungi 12 item yang diadaptasi dari instrumen *Teachers' Sense of Efficacy Scale* (TSES) oleh [Tschannen-Moran dan Woolfolk Hoy \(2001\)](#) bagi mengukur tahap

efikasi sendiri guru terhadap dirinya dalam 3 domain yang utama iaitu strategi pengajaran, pengurusan bilik darjah dan penglibatan pelajar.

Soal selidik di bahagian ini menggunakan skala likert 9 mata iaitu bermula dengan 1= Tiada, hingga 9 = Sangat Banyak. Item-item dalam soal selidik telah diterjemahkan oleh 2 orang Ketua Panitia dari sebuah SJK (C) di daerah Petaling. Tambahan pula, kajian rintis turut dijalankan untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik. Hasil ujian telah menunjukkan nilai *Cronbach Alpha* iaitu 0.97 (kompetensi peribadi) dan 0.98 (efikasi sendiri) ([Jadual 1](#)) bagi soal selidik menggambarkan instrumen tersebut mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh diterima dalam kajian ini ([Nunnally & Bernstein, 1994](#)).

Jadual 1: Keputusan kajian rintis mengikut pemboleh ubah

| Pemboleh Ubah | Bilangan Item | Nilai <i>Cronbach Alpha</i> |
|---------------------|---------------|-----------------------------|
| Kompetensi Peribadi | 18 | 0.97 |
| Efikasi Kendiri | 12 | 0.98 |

Hasil ujian telah dianalisis secara deskriptif dan inferensi iaitu korelasi Pearson melalui perisian IBM SPSS versi 26.0. Analisis deskriptif iaitu kekerapan, peratusan, dan min digunakan untuk menentukan tahap kompetensi peribadi dan tahap efikasi guru dalam Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Bagi analisis inferensi, ujian Korelasi Pearson telah dijalankan bagi mengenal pasti hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah, iaitu hubungan antara kompetensi peribadi dengan efikasi sendiri dalam kalangan guru SJKC.

Interpretasi tahap min dalam kajian ini ditentukan melalui jadual penentuan tahap skor min oleh [Landell \(1977\)](#) sepertimana yang ditunjukkan pada [Jadual 2](#).

Jadual 2: Interpretasi Skor Min

| Skor Min | Tahap Kecenderungan |
|-----------|---------------------|
| 1.00-2.33 | Rendah |
| 2.33-3.67 | Sederhana |
| 3.68-5.00 | Tinggi |

Sumber: [Landell \(1977\)](#)

Analisis yang seterusnya melibatkan ujian korelasi Pearson bagi meninjau kekuatan hubungan antara kompetensi peribadi dengan efikasi sendiri dalam kalangan guru SJKC. Hasil dapatan korelasi diinterpretasikan dengan merujuk kepada Jadual Pekali Korelasi dalam [Jadual 3](#).

Jadual 3: Interpretasi Kekuatan Pekali Korelasi

| Saiz Pekali | Kekuatan Korelasi |
|-------------------|-------------------|
| ± .01 hingga .20 | Sangat Lemah |
| ± .21 hingga .30" | Lemah |
| ± .31 hingga .50 | Sederhana |
| ± .51 hingga .80 | Kuat |
| ± .81 hingga 1.00 | Sangat Kuat |

Sumber: Adaptasi daripada [Cohen et al. \(2007\)](#)

4. Dapatan Kajian

4.1. Demografi Responden

Jadual 4 memaparkan taburan demografi responden berkaitan dengan jantina, umur, tempoh perkhidmatan, kategori perkhidmatan, jawatan dan mata pelajaran yang diajar. Jumlah responden adalah seramai 90 orang.

Jadual 4: Demografi Responden (N=90)

| Maklumat Demografi | | Frekuensi | Peratus |
|---|---------------------|-----------|---------|
| Jantina | Lelaki | 10 | 11.1% |
| | Perempuan | 80 | 88.9% |
| Umur | Bawah 24 tahun | 5 | 5.6 |
| | 25 - 35 tahun | 43 | 47.8 |
| | 36 - 45 tahun | 29 | 32.2 |
| | 46 tahun & ke atas | 13 | 14.4 |
| | | | |
| Tempoh Perkhidmatan | Kurang 5 tahun | 26 | 28.9 |
| | 5 - 10 tahun | 25 | 27.8 |
| | 11 - 15 tahun | 14 | 15.6 |
| | 16 - 20 tahun | 10 | 11.1 |
| | Lebih 20 tahun | 15 | 16.7 |
| Kategori Perkhidmatan | Guru Siswazah | 86 | 95.6 |
| | Guru Bukan Siswazah | 4 | 4.4 |
| Jawatan | Guru Besar | 1 | 1.1 |
| | Penolong Kanan | 4 | 4.4 |
| | Ketua Panitia | 13 | 14.4 |
| | Guru Akademik Biasa | 70 | 77.8 |
| | Guru Kaunseling | 2 | 2.2 |
| | | | |
| Mata Pelajaran yang Diajar (Major) | Bahasa Melayu | 18 | 20.0 |
| | Bahasa Inggeris | 9 | 10.0 |
| | Bahasa Cina | 42 | 46.7 |
| | Sains | 8 | 8.9 |
| | Matematik | 3 | 3.3 |
| | Lain-lain | 10 | 11.1 |

4.2. Kompetensi Peribadi Guru dan Efikasi Pengajaran Guru

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa tahap kompetensi peribadi guru SJKC berada pada tahap yang tinggi dengan skor min 4.02. Keputusan analisis statistik

deskriptif bagi efikasi sendiri guru pula menunjukkan skor min 6.91 dan berada pada tahap yang tinggi. Keputusan kajian diringkaskan dalam [Jadual 5](#) di bawah.

Jadual 5: Analisis Deskriptif

| Pemboleh Ubah | Skor Min | Sisihan Piawai |
|--------------------------|----------|----------------|
| Kompetensi Peribadi Guru | 4.02 | 0.69 |
| Efikasi Kendiri Guru | 6.91 | 1.38 |

[Jadual 5](#) menunjukkan bahawa min keseluruhan bagi pemboleh ubah efikasi pengajaran guru ialah 6.91 (SP =1.38). Nilai min ini menunjukkan bahawa pemboleh ubah efikasi pengajaran guru mempunyai nilai efikasi pengajaran pada tahap yang tinggi. Efikasi sendiri guru memberikan impak yang besar kepada pencapaian akademik di sekolah. Penyampaian guru akan memberi lebih makna dan berkesan sekiranya keyakinan guru adalah pada tahap yang tinggi. Menurut [Marzano \(2000\)](#), tindakan guru dalam bilik darjah mempunyai impak dua kali ganda dalam pencapaian pelajar berbanding dengan polisi sekolah berkenaan kurikulum, penilaian kerjasama antara guru dan penglibatan masyarakat. Guru yang mempunyai tahap efikasi sendiri yang tinggi akan memberi fokus kepada keperluan pelajar, serta dapat membantu pelajar yang menghadapi kesukaran untuk belajar, dan sering memberi pujian kepada pelajar yang berjaya menyelesaikan tugas yang ditetapkan.

4.3. Hubungan antara Kompetensi Peribadi dengan Efikasi Kendiri Guru

Hasil dapatan analisis korelasi Pearson adalah seperti dalam [Jadual 6](#). Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan hubungan positif yang signifikan antara tahap kompetensi peribadi guru dan efikasi sendiri guru. Hasil analisis menunjukkan, terdapat hubungan yang kuat dengan nilai $r = 0.87$ antara kompetensi peribadi dengan efikasi sendiri guru SJKC.

Jadual 6: Analisis Pekali Korelasi Hubungan Tahap Kompetensi Peribadi dengan Tahap Efikasi Kendiri Guru SJKC

| Korelasi Pearson | Efikasi Kendiri Guru | |
|--------------------------|----------------------|-------|
| Kompetensi Peribadi Guru | Pekali Korelasi | 0.847 |
| | Sig. (2-Hujung) | 0.00 |
| | <i>n</i> | 90 |

Hasil kajian menunjukkan tahap kompetensi peribadi mempunyai perkaitan yang positif dengan tahap efikasi sendiri. Hasil kajian turut menyatakan semakin tinggi tahap kompetensi peribadi seseorang guru, maka semakin tinggi tahap efikasi sendiri pada dirinya. Hubungan positif yang signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah memberi gambaran bahawa fenomena ini bakal meningkatkan prestasi seseorang pendidik di alam pekerjaannya.

5. Perbincangan Kajian

Fokus utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti hubungan antara kompetensi peribadi dan efikasi sendiri guru. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap kompetensi peribadi dan tahap efikasi sendiri guru berada pada tahap yang tinggi. Tahap kompetensi peribadi yang tinggi adalah selari dengan kajian [Ebbie, Talip dan](#)

[Dzulkifli \(2019\)](#) di mana dapatan menunjukkan pemboleh ubah kompetensi peribadi guru juga merupakan peramal kepada tahap efikasi sendiri guru di mana wujud pengaruh signifikan yang positif.

Tahap kompetensi peribadi yang tinggi menunjukkan bahawa guru-guru di SJKC daerah Petaling bukan sahaja menguasai dan membudayakan pengetahuan dan kemahiran, malah dapat mengamalkan nilai keperibadian dengan berhemah dalam amalan profesionalisme keguruan, Warga pendidik turut mempamerkan komitmen dan nilai profesional yang tinggi dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan berkesan. Tahap kompetensi peribadi guru yang tinggi merangkumi aspek sikap, motivasi, disiplin, cara perhubungan serta keyakinan diri yang dapat dijadikan *role model* atau teladan kepada anak muridnya. Kajian ini memberi sumbangan kepada warga pemimpin di sekolah supaya dapat menitikberatkan perkembangan amalan keperibadian seseorang guru selain kemahiran dan pengalaman pengajarannya.

Sehubungan itu, tahap kompetensi peribadi guru turut mencerminkan warga pendidik memiliki kompetensi kualiti peribadi yang tinggi sepertimana yang dinyatakan dalam 4 Komponen Dimensi Kompetensi dalam Standard Guru Malaysia 2.0 (SGM 2.0). Dari sudut pelaksanaan pengajaran, guru yang mempunyai tahap kompetensi peribadi yang tinggi bakal melaksanakan PdP dengan berkesan. Seorang guru juga haruslah mempunyai ciri-ciri personal, ciri interpersonal, ciri profesional, ciri intelektual yang baik, berkemahiran dalam pengurusan, kreatif dan inovatif, menguasai ilmu pedagogi, dapat mengaplikasikan teori kepada amalan dan mengamalkan pembelajaran ilmu sepanjang hayat ([Abd. Rahim, 2005](#)). Hasil kajian ini telah mendapati hubungan positif yang signifikan antara kompetensi peribadi dan efikasi sendiri seseorang guru. Justifikasinya, komponen kompetensi peribadi seseorang guru wajar diberi perhatian selain mengutamakan dimensi komponen kompetensi yang lain seperti orientasi ilmu dan lain-lain. Ciri-ciri kualiti peribadi seperti sikap, motivasi, disiplin, keyakinan dan sosial seseorang guru amatlah penting dalam alam pendidikan. Sekiranya guru tersebut mempunyai motivasi atau disiplin yang rendah, maka ini bakal mempengaruhi tahap efikasi sendiri beliau dalam melaksanakan sesuatu tugas. Justeru itu, hasil dapatan ini turut menyumbang kepada pelaksanaan program atau bengkel di sekolah bagi memberi tumpuan yang sewajarnya dalam usaha meningkatkan efikasi sendiri guru. Bengkel-bengkel yang diadakan haruslah memberi fokus kepada pembangunan kompetensi personal dan sosial seseorang guru, bagi membantu mereka mengembangkan efikasi sendiri pada kadar semaksimalnya.

Dalam konteks kajian ini, efikasi sendiri guru adalah pada tahap yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa guru SJKC di kawasan ini mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap kemampuan dirinya, malah dapat membuat analisis tentang sesuatu situasi secara objektif termasuk kejayaan dan kegagalan dan dapat menjelaskan kejayaan dan kegagalan mereka dengan refleksi diri. Kajian oleh [Talip dan Tiop \(2020\)](#) turut menyatakan bahawa tanggapan individu dan rangsangan intelektual yang berkesan akan menjadi peramal yang kuat terhadap efikasi sendiri guru dalam pengajaran.

Menerusi hasil dapatan kajian ini, setiap domain dalam efikasi sendiri seseorang guru dalam alam pekerjaannya adalah pada tahap yang tinggi. Ini jelas menunjukkan bahawa para guru mempunyai kepercayaan terhadap kebolehan dirinya dalam menyusun atur serta mengambil tindakan untuk melaksanakan tugas dalam konteks yang spesifik. Efikasi sendiri guru telah menunjukkan sebagai satu penunjuk kritikal dalam keberkesanan pengajaran dan peningkatan prestasi sekolah ([Klassen & Tze, 2014](#); [Zee &](#)

Koomen, 2016) Sebagai penyimpul kata, kajian ini dapat dirumuskan bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah, iaitu kompetensi peribadi dengan efikasi sendiri guru. Natiyahnya, tahap efikasi sendiri guru yang tinggi ini adalah berkaitan rapat dengan tahap kompetensi peribadi pada dirinya. Secara kesimpulannya, kajian ini jelas menunjukkan bahawa kompetensi peribadi seseorang guru dapat menjadi peramal efikasi sendiri dalam dirinya untuk membuat keputusan kerjaya.

Dengan itu, dapatan kajian ini diharapkan dapat menjadi panduan bagi usaha meningkatkan tahap efikasi sendiri guru di kawasan-kawasan yang lain, terutamanya fokus pada sektor pendidikan am dan swasta. Dalam konteks ini juga, hasil kajian ini diharapkan dapat menjadi rujukan bagi meningkatkan tahap efikasi sendiri guru pelatih yang rendah, sepertimana yang dinyatakan dalam kajian Chin et al. (2013), 160 orang guru baharu dari 102 buah sekolah di negeri Selangor berada pada tahap efikasi sendiri sederhana. Sementelahan itu, hasil kajian ini turut diharapkan dapat menjadi suatu daya usaha dalam kajian topik efikasi sendiri dalam konteks keguruan Malaysia. Hal ini demikian kerana para guru sebagai agen pembangunan negara berpeluang untuk mengasah kemahiran atau melengkapkan diri dengan lebih optimum untuk menyahut cabaran-cabaran yang lebih besar pada masa akan datang. Akhir sekali, hasil kajian ini diharapkan dapat menjadi panduan kepada pengkaji-pengkaji pada masa akan datang, khususnya bagi pengkaji yang bakal menjalankan kajian berkaitan dengan kompetensi profesionalisme atau efikasi sendiri guru secara selanjutnya.

6. Kesimpulan

Hasil kajian ini menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara kompetensi peribadi dan efikasi sendiri guru SJKC. Justifikasinya, pihak KPM, pemimpin dan warga sekolah wajar memberi tumpuan terhadap perkembangan kompetensi peribadi seseorang guru dalam membantu mereka meningkatkan tahap efikasi sendiri, khususnya para guru baharu atau guru novis. Dengan itu, dapatan kajian telah menunjukkan kepentingan amalan keperibadian dalam peningkatan tahap efikasi sendiri seseorang warga pendidik.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Setinggi-tinggi penghargaan buat pensyarah pembimbing, Prof. Saemah Rahman atas bimbingan dan galakan sepanjang proses penyiapan artikel ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak mendapat sebarang tajaan atau bantuan kewangan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Para penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dalam menjalankan kajian dan penerbitan artikel ini.

Rujukan

- Abd. Rahim, A. R. (2005). *Profesionalisme keguruan: Prospek dan cabaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cavana, R., Delahaye, B., & Sekaran, U. (2001). *Applied Business Research: Qualitative and Quantitative Methods (3rd ed.)*. Australia: John Wiley & Sons.
- Chin, S. H., Samsilah, R., Suhaida, A. K., & Rahil, M. (2013). Relationship between Sources and Teachers' Sense of Efficacy among Novice Teachers in Selangor, Malaysia. *Pertanika Journal of Social Science and Humanities*, 21, 579-604.
- Cocca, M., Cocca, A., Martinez, E. A., & Bulnes, M. G. R. (2018). Correlation between self-efficacy perception and teaching performance: the case of Mexican Preschool and Primary School teachers. *Arab World English Journal*, 9(1), 56-70.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2007). *Research methods in education* (6th ed.). Routledge.
- Ebbie, S., Talip, R., & Ag Kiflee@Dzulkifli, D. N. (2019). Pengaruh Kepimpinan Pengajaran Guru Besar, Kompetensi Profesionalisme Guru dan Kompetensi Peribadi Guru Terhadap Efikasi Pengajaran Guru Sekolah Rendah di Zon Pedalaman Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4(8), 29 - 38. <https://doi.org/https://doi.org/10.47405/mjssh.v4i8.323>
- Gay, L.R. & Diehl, P.L. (1992). *Research Methods for Business and Management*. New York: Macmillan.
- Harris, D. N., Ingle, W. K., & Rutledge, S. A. (2014). How Teacher Evaluation Methods Matter for Accountability: A Comparative Analysis of Teacher Effectiveness Ratings by Principals and Teacher Value-Added Measures. *American Educational Research Journal*, 51(1), 73–112. <https://doi.org/10.3102/0002831213517130>
- Hung, M. L., Chou, C., Chen, C. H., & Own, Z. Y. (2010). Learner readiness for online learning: Scale development and student perceptions. *Computers & Education*, 55(3), 1080–1090. <https://doi.org/10.1016/j.compedu.2010.05.004>
- Ingersoll, R. M. (2012). Beginning Teacher Induction What the Data Tell Us. *Phi Delta Kappan*, 93(8), 47–51. <https://doi.org/10.1177/003172171209300811>
- Ishak Mad Shah (1999). *Pengenalan Kepada Psikologi Industri*. UTM, Skudai: Jabatan Pembangunan Sumber Manusia, Fakulti Pembangunan Dan Pengurusan Sumber Manusia.
- Khairiah, H. (2013). *Kepemimpinan instruksional pengetua, birokrasi sekolah dan efikasi sendiri guru di sebuah MRSM di Melaka*. (Dissertasi Sarjana Kepengetuaan) Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- Klassen, R. M., & Tze, V. M. C. (2014). Teachers' self-efficacy, personality, and teaching effectiveness: A meta-analysis. *Educational Research Review*, 12, 59–76. <https://doi.org/10.1016/j.edurev.2014.06.001>
- Kokkinos, C. M. (2007). Job stressors, personality, and burnout in primary school teachers. *British Journal of Educational Psychology*, 77, 229–243. <http://dx.doi.org/10.1348/000709905X90344>
- Landell, K. (1997). *Management by menu*. London: Wiley and Sons Inc.
- Marzano, R. J. (2000). *Transforming Classroom Grading*. Association for Supervision and Curriculum Development.
- Mayan, M. P., & Mansor, M. (2020). Hubungan antara amalan kepimpinan distributif dengan efikasi sendiri dan komuniti pembelajaran profesional guru di Kuala Lumpur. *Management Research Journal*, 9(2), 70-83. <https://doi.org/10.37134/mrj.vol9.2.6.2020>
- M Nur Mustafa & Norasmah Othman. (2009). *Motivasi Kerja, Latihan Dalam Perkhidmatan dan Kompetensi Profesional Serta Hubungannya Terhadap Prestasi*

- Kerja Guru Pekan Baru Provinsi Riau, Indonesia*. Prosiding Penyelidikan Siswazah. Universiti Kebangsaan Malaysia. Halaman 219-230
- Nunnally, J.C. & Bernstein, I.H. (1994) The Assessment of Reliability. *Psychometric Theory*, 3, 248-292.
- Rahimah Jamaluddin, Rosini Abu, Abdullah Mat Rashid, & Habsah Ismail. (2012). *Tahap efikasi sendiri guru dalam melaksanakan pengajaran kekeluargaan*. Paper presented at Seminar Majlis Dekan-dekan Pendidikan IPTA. Retrieved 21 April 2021 from <http://www.fp.utm.my/ePusatSumber/listseminar/medc2012/pdf/103.pdf>
- Sa'adiah Shuib, Jamal @ Nordin Yunus & Hamidah Yusof. (2020) Pembangunan Profesionalisme Guru Terhadap Efikasi Kendiri Guru Sekolah Menengah Di Negeri Selangor. *Jurnal Pengurusan Dan Kepimpinan Pendidikan*, 33(1).
- Talip, R. and Tiop, T. (2020). Kesan Komitmen Organisasi Pendidikan Sebagai Moderator ke atas Hubungan Kepimpinan Teknologi Pengetua dalam Pengurusan Kurikulum dengan Efikasi Kendiri Guru, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(3), 30 - 46. doi: 10.47405/mjssh.v5i3.373.
- Tschannen-Moran, M., & Hoy, A. W. (2001). Teacher efficacy: Capturing an elusive construct. *Teaching and Teacher Education*, 17(7), 783-805. [https://doi.org/10.1016/S0742-051X\(01\)00036-1](https://doi.org/10.1016/S0742-051X(01)00036-1)
- Zee, M., & Koomen, H. M. (2016). Teacher self-efficacy and its effects on classroom processes, student academic adjustment, and teacher well-being. *Review of Educational Research*, 86(4), 981-1015. <https://doi.org/10.3102/0034654315626801>